

21/10/2000

UM anjur debat Bahasa Melayu peringkat Asean

KUALA LUMPUR, Jumaat Universiti Malaya (UM) melalui Kolej Kediaman Kinabalu dan Bahagian Hal Ehwal Pelajarnya akan menganjurkan Debat Bahasa Melayu (Debat Asean Kelima) antara universiti Asean selama lapan hari bermula 5 November ini.

Pertandingan anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP); Bank Bumiputra Commerce Berhad dan Berita Harian Sdn Bhd sebagai akhbar rasmi akan diadakan di Dewan Perdana Satu, Kompleks Perdanasiswa UM.

Pertandingan peringkat akhir akan diadakan di Dewan Seri Negeri, Seri Negeri di Melaka.

Tujuh universiti iaitu Universiti Brunei Darussalam; Universiti Prince of Songkla, Thailand; Nanyang Technological University, Singapura; Universitas Diponegoro, Semarang dan Universitas Andalas, Padang di Indonesia selain Universiti Malaysia Sabah dan UM menyertai debat berkenaan.

Pengarah Eksekutif pertandingan, Fahrol Fahmy Jaafar berkata, Debat Asean Kelima yang juga projek tahunan kolej kediaman itu diadakan semula sebagai meneruskan kejayaan Debat Asean Keempat awal tahun lalu.

"Pertandingan bertema 'Kegemilangan Bahasa Penyatuan Budaya' itu diadakan sebagai usaha meningkatkan taraf bahasa Melayu sebagai lingua franca dan bahasa ilmu selaras perkembangan semasa," katanya pada majlis penyerahan cek tajaan Debat Asean Kelima di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Firdaus Abdullah; Pengarah Jabatan Bahasa, DBP, Dr Awang Sariyan; wakil Bank Bumiputra Commerce, Nik Hasan Nik Md Amin, Penolong Pengarang Berita Harian/ Berita Minggu, Hafifi Hafidz dan wakil pengetua Kolej Kediaman Kinabalu, Mustafa Abdullah.

Dalam majlis itu, Nik Hasan, Hafifi dan Dr Awang menyampaikan sumbangan masing-masing yang berupa wang tunai sebanyak RM10,000 kepada Prof Firdaus.

Debat kali ini memperkenalkan Piala Pusingan Tun Syed Nasir yang disumbangkan oleh DBP sebagai menggantikan Piala Pusingan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain piala pusingan, johan pertandingan dijangka menerima piala iringan dan wang tunai RM3,000 manakala naib johan menerima piala iringan dan RM2,000. Setiap peserta akan menerima cenderahati berupa buku DBP.

(END)